

35 siswa UPM dedah program pengajian tinggi

DESTINASI perkampungan petani dan kurang mendapat pendedahan luar menjadi faktor tarikan seramai 35 siswa Kolej Tun Dr Ismail, Universiti Putra Malaysia (UPM) ke Kampung Beorangkok Sabah, Kuala Penyu, Sabah.

Program yang bertemakan 'Masyarakat Pribatih Membentuk Masyarakat Berwibawa' ini mendapat kerjasama Sekretariat Rakan Muda UPM dan Biro Tata Negara (BTN).

Sempena Program Bakti Siswa, masyarakat Islam Kaum Bisaya Tatanak di kampung berkenaan menerima kehadiran mereka sebagai anak angkat dan diberi pendedahan terhadap peluang melanjutkan pelajaran ke universiti bagi bidang yang lebih mencabar.

Menurut Pengarah Program, Nor Azfiza Abdul Aziz, pencapaian akademik kebanyakannya anak penduduk kampung itu hanya sehingga peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan tertumpu kepada bidang perguruan. Mereka khawatir, bidang kerjaya lain tidak memberikan jaminan.

"Lagipun, kebanyakan ibu bapa mereka masih tidak mengetahui peluang untuk memohon pinjaman melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi awam seperti pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Na-

sional, Majlis Amanah Rakyat dan kerajaan negeri. Disebabkan tiada sumber kewangan yang besar, hasrat untuk menyambung pengajian ke tahap lebih tinggi tidak begitu diharapkan," katanya lagi.

Sebelum ini, pihak kolej mendapatkan maklumat awal mengenai kampung berkenaan secara lisan daripada anak-anak kampung berhampiran dan menjadi penuntut di UPM serta menghubungi ketua kampung yang nyata sangat gembira dengan program ini.

Selama seminggu, delegasi UPM ini turut menganjurkan misi akademik dan program motivasi kepada pelajar di Sekolah Rendah Kampung Berangkok dan Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Penyu. Ini diikuti dengan kerja amal di kalangan penduduk kampung termasuk membina tugu peringatan, membersihkan balai raya dan majlis ramah mesra bersama penduduk kampung.

Selain itu, peserta berpeluang untuk mencuba tarian dan muzik tradisional seperti tarian Leliput, Kulintangan, Bergendang, Berdaut dan Agong. Hidangan tradisional seperti Ambuyat dan Kubal yang diperbuat daripada sagu turut dinikmati.



CUBA...pegawai BTN dan peserta mencuba masakan tempatan, ambuyat.

Seterusnya, peserta juga berpeluang menyaksikan keindahan alam semula jadi Taman Negara di kaki Gunung Kinabalu sebagai aktiviti rekreasi yang menarik dalam program yang julung kali diadakan itu.

Sementara itu, Bendahari Program, Abdul Rani Bajuri berkata, kos penerbangan pergi balik semua peserta ini

dibayai menerusi pakej Integrasi Jambatan Perpaduan Negara.

"Kerjasama antara penduduk kampung termasuk pelajar memperlihatkan kesan positif di dalam program ini. Kami rasa benar-benar dihargai setelah pelbagai usaha dan cabaran dihadapi sebelum ini," katanya.

Majlis perasmian penutupan program

disempurnakan Ketua Umno Bahagian Beaufort, Datuk Seri Panglima Lam Ukin. Beliau berharap program ini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi merapatkan hubungan golongan mahasiswa dengan masyarakat luar bandar di samping memupuk integrasi antara kelompok masyarakat di Semenanjung dengan Borneo.